



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP



BERITA

24 JAM

KPDN

KERATAN AKHBAR & BERITA ONLINE

Untuk makluman:

- YB Menteri
- YB Timbalan Menteri
- YBhg. KSU
- YBhg. TKSU (PPDN)
- YBhg. TKSU (PP)
- Setiausaha Akhbar

Tarikh: 3 FEBRUARI 2025



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

KERATAN AKHBAR

KPDN



UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Pantau peniaga jadikan gaji minimum alasan naik harga barang

Oleh **FATIN NORIZATI MAT ISA**
norizati.isa@mediamula.com.my

PETALING JAYA: Pemandahan kos kenaikan operasi kepada pengguna akibat pelaksanaan gaji minimum baharu akan menaikkan harga barang dan perkhidmatan, sekali gus mengurangkan kuasa beli rakyat.

Wakil Pusat Pilihan Pengguna Malaysia, Tarmizi Anuwar berkata, kenaikan kos operasi menyebabkan peniaga menaikkan harga terutama dalam sektor yang bergantung kepada tenaga kerja berkemahiran rendah.

Beliau berkata, jika situasi itu berterusan, kesejahteraan ekonomi rakyat boleh terjejas kerana perbelanjaan isi rumah semakin terhad.

“Sektor makanan dan perkhidmatan, khususnya Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) paling terkesan kerana margin keuntungan yang rendah.

“PKS sukar menyerap kenaikan kos buruh tanpa menaikkan harga. Ini berbeza dengan syarikat besar yang lebih stabil dari segi kewangan untuk menyesuaikan syarikat dengan perubahan dasar gaji,” katanya kepada *Utusan Malaysia*.

Sebelum ini, majikan diingatkan untuk tidak memindahkan kos kenaikan operasi kepada peng-



PENIAGA diingatkan untuk tidak memindahkan kos kenaikan operasi kepada pengguna susulan pelaksanaan Perintah Gaji Minimum baharu. - GAMBAR HIASAN

guna susulan pelaksanaan Perintah Gaji Minimum baharu.

Tarmizi berkata, kesan jangka panjang terhadap perbelanjaan pengguna membimbangkan kerana kenaikan kos boleh menyebabkan harga meningkat atau pengurangan tenaga kerja.

“Jika kadar pengangguran meningkat, pertumbuhan ekonomi negara boleh terjejas,” katanya.

Beliau berkata, kerajaan perlu mempertimbangkan pemotongan cukai dan insentif bagi membantu majikan mengurangkan kos perniagaan.

Katanya, langkah ini dapat membantu syarikat mengekalkan pekerja dan menawarkan gaji lebih tinggi secara sukarela tanpa perlu bergantung kepada mekanisme gaji minimum yang ketat.

“Dalam jangka panjang, dasar gaji minimum perlu dikaji supaya

tidak memberi tekanan berlebihan kepada majikan dan pengguna,” katanya.

Presiden Persatuan Pengguna Kedah (Cake), Mohamad Yusrizal Yusoff pula berkata, majikan mengakui menghadapi tekanan besar setiap kali gaji dinaikkan.

Katanya, industri perlu menyusun strategi mengurus kos operasi supaya kenaikan gaji tidak menyebabkan harga barang meningkat secara mendadak.

“Kita perlu sedar kos sara hidup pekerja dan buruh semakin tinggi akibat kenaikan harga barang.

“Jika kenaikan gaji dimasukkan terus dalam kos operasi tanpa perancangan, harga barang akan naik dan mencetuskan kitaran peningkatan kos hidup,” katanya.

Yusrizal berkata, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri perlu lebih tegas memantau syarikat yang mengambil keuntungan berlebihan.

“Penguatkuasaan terhadap syarikat yang meraih keuntungan melebihi 50 peratus perlu diketatkan.

“Sistem e-invois yang sedang dilaksanakan boleh digunakan untuk menilai sama ada syarikat mengambil keuntungan tidak wajar,” katanya terhadap peniaga yang menggunakan gaji sebagai alasan kenaikan harga.

RM200 juta 'suntik' Jualan Rahmah

- Barangan dijual mempunyai subsidi kerajaan
- Program Jualan Rahmah melibatkan DUN seluruh negara

Oleh IVAN AMIRUL

KOTA KINABALU – Peruntukan tambahan sebanyak RM200 juta disediakan Kerajaan Persekutuan bagi pelaksanaan Program Jualan Rahmah Madani tahun ini.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup, Datuk Armizan Mohd. Ali berkata, peruntukan berkenaan memabatkan penganjuran di semua Dewan Undangan Negeri (DUN) seluruh negara.

"Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim tahun ini telah menambah peruntukan daripada RM100 juta kepada RM200 juta bagi melaksanakan program ini di semua DUN.

"Barang-barang yang dijual adalah barangan mempunyai subsidi kerajaan.

"Hal ini bagi membantu meringankan sedikit sebanyak beban hidup rakyat. Oleh itu,



ARMIZAN (dua dari kanan) beramah mesra dengan pengunjung di Jualan Rahmah Madani dan Advokasi Kepenggunaan di Likas kelmarin.

kita akan buat di semua tempat," katanya.

Armizan berkata demikian ketika berucap merasmikan Program Sentuhan Kasih, Jualan Rahmah Madani dan Advokasi Kepenggunaan yang berlangsung di gelanggang futsal Taman Keramat, Likas kelmarin.

Dalam pada itu, Armizan turut menyarankan kepada semua pengguna agar melayari laman sesawang KPDN untuk mengetahui jadual Program Jualan Rahmah Madani sepanjang tahun ini.

Beliau berkata, ia bagi memudahkan rakyat merancang masa yang sesuai untuk berbelanja dengan lebih berhemah.

Sementara itu, Armizan memaklumkan kerajaan negeri turut menyediakan pelbagai program bagi membantu usahawan tempatan.

"Program outreach bersama badan bukan kerajaan (NGO) dan usahawan muda di bawah kendalian Ketua Menteri Sabah, Datuk Seri Hajiji Noor.

"Kerajaan negeri memberikan bantuan peruntukan sebanyak RM500 kepada usahawan muda belia kita secara serta-merta," katanya.

Ramai peniaga tidak pameran tanda harga

KOTA KINABALU – Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Sabah mengesan dua kesalahan paling banyak dilakukan oleh peniaga di negeri ini adalah membabitkan kegagalan memamerkan tanda harga selain harga yang dipamer mengelirukan.

Pengarah KPDN Sabah, Shahril Nizam Shahidin berkata, dua perkara itu merupakan aduan paling banyak diterima pihaknya setakat ini.

"Kita memang sentiasa mem-

beri penekanan perihal harga bagi memudahkan pengguna.

"Memang kita sedia maklum ada sedikit peningkatan kos dan terdapat perubahan harga di premis perniagaan termasuklah restoran.

"Oleh itu, peniaga hendaklah memaparkan harga kerana sudah menjadi hak pengguna untuk mendapat informasi yang jelas. Kemas kini harga setiap barangan atau produk agar tidak mengelirukan pelanggan," katanya ketika ditemui selepas Program Sentuhan Kasih,



SHahril NIZAM

Jualan Rahmah Madani dan Advokasi Kepenggunaan yang berlangsung di gelanggang futsal Taman Keramat, Likas kelmarin.

Shahril Nizam berkata, pihaknya juga meminta semua pengguna membuat aduan secara jelas.

"Apabila aduan dilaksanakan, kami kena buat siasatan. Kemudian kita akan tengok di bawah kesalahan yang mana dan sama ada kompaun dikeluarkan atau kes dibawa ke peringkat lebih tinggi," katanya.

Helah scammer e-dagang



ANALISIS
MUKA 16

AHMAD ISMADI ISMAIL

Kemajuan teknologi yang diaplikasikan dalam e-dagang memudahkan urusan orang ramai membeli barangan secara dalam talian pada masa kini.

Namun, dengan kepesatan perniagaan dalam talian, telah membuka peluang kepada scammer melakukan jenayah.

Sikap sambil lewa dan tidak berhati-hati semasa membeli barangan dalam talian menyebabkan ramai menjadi mangsa penipuan dalam talian itu.

Kes penipuan selalunya berlaku apabila mangsa diperdaya oleh scammer dengan pelbagai helah, antaranya mengiklankan barangan di laman sosial dengan tawaran harga lebih rendah daripada harga pasaran atau *too good to be true*.

Kemahuan yang tinggi dan terdesak untuk memiliki sesuatu barang menyebabkan mangsa tidak berfikir panjang sehingga tidak sedar mereka sedang diperdaya. Permintaan tinggi terhadap sesuatu barangan juga menyebabkan ada pihak mengambil kesempatan.

Mangsa akan diminta membuat bayaran segera ke akaun bank yang diberikan oleh scammer dan hanya menyedari ditipu apabila tidak menerima barang dibeli atau gagal menghubungi penipu.

Taktik lain yang digunakan oleh scammer adalah dengan menggunakan akaun dan gambar profil milik orang lain. Selain itu, scammer turut 'menutup' ruangan komen supaya

mangsa tidak dapat membuat komen pada akaun tersebut.

Polis Diraja Malaysia (PDRM) sebelum ini mendedahkan RM62 juta nilai kerugian direkodkan akibat penipuan pembelian dalam talian atau e-dagang.

Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah Komersial (JSJK) Bukit Aman, Datuk Seri Ramli Mohamed Yoosuf dilaporkan berkata, angka itu dijangka terus meningkat selaras pertambahan platform e-dagang yang semakin popular dalam urusan niaga masa kini.

Penipuan berpunca daripada iklan melalui laman Facebook mencatatkan jumlah tertinggi iaitu 3,457 kes, diikuti WhatsApp sebanyak 1,168 kes. TikTok turut mencatatkan sebanyak 800 kes, diikuti aplikasi Telegram (771 kes) menjadikan jumlah keseluruhan penipuan direkodkan sebanyak 6,909 kes.

Menurut Ramli, sebagai langkah pencegahan, pembeli diingatkan mengambil langkah berwaspada dan berhati-hati supaya tidak menjadi mangsa penipuan.

Sementara itu, Menteri Komunikasi, Fahmi Fadzil mengingatkan masyarakat supaya berwaspada dengan kegiatan penipuan semasa musim perayaan.

Jelas beliau, scammer cenderung memanfaatkan situasi seperti perayaan untuk memperdaya mangsa, khususnya golongan warga emas. Menurutnya, penipu siber biasanya cekap membaca trend dalam kalangan pengguna.

Justeru, orang ramai dinasihatkan menyimpan segala bukti rekod urusan niaga termasuk resit pemindahan wang dan lain-lain. Mangsa boleh membuat aduan melalui Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup serta laporan di balai polis berhampiran.

Dalam pada itu, PDRM turut me-

“

Kes penipuan selalunya berlaku apabila mangsa diperdaya oleh scammer dengan pelbagai helah, antaranya mengiklankan barangan dengan tawaran harga lebih rendah daripada harga pasaran.”

nasihati orang ramai supaya berhati-hati ketika membuat pembelian dengan membuat semakan akaun atau aplikasi, selain tidak membenarkan individu lain mengakses maklumat perbankan. Buat pembelian melalui platform rasmi dan penjual yang dipercayai. Ulasan dan reputasi penjual perlu diselidik sebelum sebarang transaksi dilakukan bagi mengelak menjadi mangsa penipuan

Pautan mencurigakan juga harus dielakkan dan pengguna dinasihatkan mengakses laman web secara langsung, bukan melalui pautan yang tidak dikenali.

Orang ramai boleh mendapatkan maklumat lanjut daripada sumber-sumber rasmi seperti portal *Semakmule*. Jika penjual ada memaparkan nama atau nombor pendaftaran perniagaan syarikat, orang ramai boleh menyemaknya dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM).

Sentiasalah berhati-hati dan berfikir dua kali sebelum membuat keputusan untuk membeli-belah dalam talian. Langkah tersebut penting bagi memastikan keselamatan transaksi dan mengelak kerugian akibat penipuan.

** Ahmad Ismadi Ismail ialah Wartawan Meja Jenayah*

Driving SIRIM QAS International towards global excellence

Dedicating nearly four decades to the SIRIM Group, Nur Fadhillah Muhammad began her journey in 1985 as a research officer in the Electrotechnical Testing Unit.

Her leadership and expertise, from overseeing the Lamps and Accessories Laboratory to shaping Malaysia's electrical product standards, laid the foundation for SIRIM QAS International's notable achievements.

Rising through the ranks to her appointment as CEO, she spearheaded energy-efficiency initiatives, positioning Malaysia as a leader in sustainable industrial practices and showcasing their significant outcomes.

Her active participation in the International Electrotechnical Commission for the Mutual Recognition Arrangement (IECEE MRA) was also instrumental in ensuring that Malaysia was aligned with international electrical safety standards.

As movement restrictions were enforced at the critical juncture of the Covid-19 pandemic, Nur Fadhillah led SIRIM QAS through a digital transformation to ensure continued operations through the turbulent time.

Taking the helm as CEO, she led SIRIM QAS in embracing remote inspections, digital certification and e-platforms to maintain seamless service delivery even during global disruptions.

Her strategic approach guided the organisation to adopt innovation, sustainability and digital transformation, contributing to Malaysia's industrial development.

Besides that, under her watch, SIRIM QAS achieved a historic milestone by becoming a pioneer in aerospace certification with the launch of the AS9100 certification for Quality Management Systems Certification.

This advanced Malaysia's aerospace ambitions, aligning with the Malaysian government's goals under the 11th Malaysia Plan (11MP) and the Malaysian Aerospace Industry Blueprint 2030 (MAIB 2030), positioning Malaysia's aerospace and defence sectors for global competitiveness.

Nur Fadhillah has already set the AS9110 and AS9120 certification schemes in SIRIM QAS' pipeline, preparing to elevate further Malaysia's standing in global aerospace maintenance, repair and overhaul (MRO) services.

As part of her efforts to strengthen SIRIM QAS' reputation across other sectors, her leadership in the IEC System for Certification to Standards Relating to Equipment for Use in Explosive Atmospheres (IECEx) certification has established SIRIM QAS as a body that ensures safety and compliance in explosive atmospheres for the oil and gas sector.

Under her stewardship, Nur Fadhillah aimed for SIRIM QAS to provide complete testing and certification for IECEx environments to ensure that industries like oil, gas and mining meet global safety standards and boost Malaysia's influence in regional safety initiatives.



Nur Fadhillah and the management team in a SIRIM QAS updates & networking session

Moreover, under her guidance, SIRIM QAS has become Southeast Asia's leader in fire safety testing, thanks to her strategic investments in advanced equipment, such as two cladding test rigs and a 4m x 4m test cube furnace.

These advancements ensure that fire protection products meet the highest safety standards, profoundly impacting construction safety in high-risk regions.

She also introduced the 10-metre semi-anechoic chamber, enhancing testing capabilities to ensure compliance with electromagnetic compatibility (EMC) standards, which are crucial for industries like telecommunications, automotive and electronics.

Commitment to innovation and sustainability

"To become a developed nation, our industries must be more innovative. Only through innovation can we ensure sus-

tainable growth, meet global standards and stay competitive in an ever-changing world," says Nur Fadhillah.

In line with this vision, she has driven the establishment of the ISO 56001 Innovation Management System, which is set to be launched soon.

This system is designed to foster long-lasting innovation, supporting technological advancement across industries in Malaysia.

"By embracing such initiatives, SIRIM QAS continues strengthening its role in fostering innovation, offering tools to help industries adapt and thrive in a rapidly evolving global landscape," remarks Nur Fadhillah.

She has also ensured the launch of the SIRIM 55 ESG Management System Certification in 2024, which empowers businesses to adopt environmental, social and governance (ESG) practices, helping them align with global sustainability targets and support the nation's transition to a low-carbon future.

SIRIM QAS has also significantly contributed to advancing Malaysia's electric vehicle (EV) infrastructure by ensuring

that electric vehicle charging systems (EVCS) meet rigorous global standards through its EVCS certification services.

This forward-thinking initiative contributes to Malaysia's National Energy Transition Roadmap (NETR), and Nur Fadhillah's guidance has helped position SIRIM QAS as a prominent player in sustainable energy solutions.

Regulatory partnerships for future growth

Throughout Nur Fadhillah's tenure, SIRIM QAS has maintained strong relationships with regulatory bodies and government agencies to support industry growth and ensure compliance with global safety standards.

Through this effort, the Ministry of Domestic Trade and Consumer Affairs (KPDN) had appointed SIRIM QAS as a competent authority to certify critical products such as face masks, automotive components and e-cigarette devices.

SIRIM QAS also formed invaluable collaborations with key agencies such as the Fire and Rescue Department (Bomba), the Energy Commission (ST) and the Malaysian Communications and Multimedia Commission (MCMC) to uphold safety, quality and regulatory compliance across industries.

Further expanding the organisation's reach overseas, Nur Fadhillah led the charge in finding partnerships and joint ventures with foreign regulatory bodies.

In 2022, SIRIM QAS formed its first international joint venture in China with Hunan SIRIM Huasheng Certification and Inspection Co Ltd (SIRIM Huasheng), capitalising on China's growing automotive industry.

This was followed by memorandums of understanding (MOUs) with TICA Thailand and KNA Vietnam, strengthening SIRIM QAS' regional presence and enabling businesses to meet international certification standards.

Her efforts to expand SIRIM QAS' presence continue, with plans to explore opportunities in Indonesia and Singapore while also bolstering the organisation's Asean market position through strategic collaborations and initiatives.

Beyond the region, the organisation has also established a presence in the Czech Republic and the Middle East, aiming to remain an industry leader while supporting Malaysia's global standing in certification and compliance solutions.

As Nur Fadhillah prepares to step down, her leadership has left a lasting impact on not only SIRIM QAS but also the industry.

Driving advancements at SIRIM QAS, the organisation has evolved into a world-class organisation and a global leader in testing, inspection and certification.

Her journey exemplifies transformational leadership, with her influence expected to have a lasting impact on SIRIM QAS and its future development.



"To become a developed nation, our industries must be more innovative. Only through innovation can we ensure sustainable growth, meet global standards and stay competitive in an ever-changing world."

— Nur Fadhillah



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

KERATAN AKHBAR **AGENSI**



UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Menunggu laporan kerajaan mengenai kartel beras

JUMAAT lalu, Menteri Besar Kedah, Datuk Seri Muhammad Sanusi Md Nor mendedahkan wujudnya kartel yang menukar bungkusan beras tempatan kepada beras import menyebabkan ketiadaan bekalan beras tersebut di pasaran.

Ketika menyampaikan ceramah pada majlis Himpunan Ummah Selamatkan Malaysia di Kompleks Pas Kedah, Muhammad Sanusi berkata, beliau sering kali mendedahkan mengenai isu tersebut namun dinafikan oleh kerajaan.

Dakwa beliau, perkara tersebut bukan lagi satu rahsia, malah diketahui oleh rakyat terutama dalam kalangan penanam padi dan mahu perkara tersebut dapat diselesaikan.

Untuk rekod, pada 6 November tahun lalu, Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup, Fuziah Salleh ketika Waktu Pertanyaan Menteri di Dewan Rakyat menyatakan Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) sudah menyiapkan laporan kajian mengenai kartel padi dan beras.

Jelas beliau, dapatan laporan itu kemungkinan mendedahkan penyalahgunaan dominan mana-mana syarikat yang terbabit memonopoli bekalan berkenaan.

Ia kemudian disusuli kenyataan pada 14 Disember, apabila Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu dilaporkan berkata, kajian mengenai kartel padi dan beras akan diumumkan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim awal tahun ini.

Pada pandangan akhbar ini, masalah ketiadaan beras tempatan sudah berlarutan agak lama dan terus menjadi isu dimainkan pembangkang. Beras tempatan memang dekat dihati rakyat kerana harganya murah dan menjadi pilihan golongan berpendapatan rendah serta peniaga.

Jadi, tidak seharusnya kerajaan mengambil masa lama untuk mendedahkan kepada rakyat apa sebenarnya berlaku dalam industri padi dan beras negara itu.

Selain permainan kartel, adakah kemungkinan permintaan tinggi daripada peniaga kedai makan sehingga rakyat tidak dapat beli beras tempatan? Atau adakah penanaman padi di negara ini sudah mengalami kemerosotan kerana ia bukan lagi sektor menguntungkan?

Ada banyak persoalan yang berlegar-legar mengenai perkara tersebut dan perlu diberikan jawapan segera. Oleh demikian, kita harap selain fokus kerajaan untuk membantu Gaza dan Palestin, masalah padi serta beras negara ini juga perlu diberikan keutamaan.



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

KERATAN AKHBAR

UMUM



UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

PGA Sabah rampas pelbagai barang seludup RM5 juta

Kota Kinabalu: Pasukan Gerakan Am (PGA) Sabah mematahkan aktiviti penyeludupan barangan kawalan dan merampas pelbagai barangan seludup bernilai lebih RM5 juta sepanjang tempoh 18 hingga 31 Januari lalu.

Selain rampasan, serbuan dijalankan di sekitar kawasan pantai barat dan timur Sabah turut menahan 28 individu yang terlibat dalam kegiatan penyeludupan.

Komander PGA Sabah, Datuk Abdul Rani Alias ber-

kata, kejayaan itu hasil risikan Unit Risikan Brigad Sabah PGA berdasarkan maklumat orang awam.

"Serbuan dalam tempoh dua minggu menahan 15 lelaki tempatan, 11 lelaki dan seorang wanita Filipina serta lelaki Indonesia.

"Serbuan mematahkan aktiviti penyeludupan barangan kawalan dan pelbagai jenis mercun, ayam sejuk beku, daging sejuk beku, pelbagai jenis rokok/minuman keras, senjata api buatan sendiri, air ketum dan penyeludupan

minyak diesel," katanya dalam kenyataan media, semalam.

Katanya, PGA terus menjalankan tugas dan tanggungjawab menjaga serta mengawal keselamatan negara dan ketenteraman awam secara profesional.

"Orang awam diharapkan menyalurkan maklumat berkaitan penyeludupan di sekitar kawasan mereka bagi memastikan negara tidak dicerobohi oleh mana-mana elemen jenayah rentas sempadan," katanya.



BARANGAN dirampas anggota dan pegawai PGA Sabah dalam beberapa serbuan di sekitar kawasan pantai barat dan timur Sabah.



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

BERITA ONLINE

KPDN & AGENSI



UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

BERITA ONLINE BERTARIKH 3 FEBRUARI 2025

TARIKH	TAJUK	PAUTAN	MEDIA
3-Feb	Panik diserbu, penyeludup lari tinggalkan rakan dan 650 Liter Petrol	https://www.buletintv3.my/nasional/panik-diserbu-penyeludup-lari-tinggalkan-rakan-dan-650-liter-petrol/	BULETIN TV3
3-Feb	Lari tinggalkan rakan dan petrol seludup dalam kereta	https://www.bharian.com.my/berita/kes/2025/01/1355663/lari-tinggalkan-rakan-dan-petrol	BERITA HARIAN
3-Feb	Subsidi telur ayam hanya babitkan gred A, B dan C	https://www.buletintv3.my/nasional/subsidi-telur-ayam-hanya-babitkan-gred-a-b-dan-c/	BULETIN TV3
3-Feb	Subsidi telur ayam hanya babitkan gred A, B dan C	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/01/1182257/subsidi-telur-ayam-hanya-babitkan-gred-a-b-dan-c/	HARIAN METRO
3-Feb	Subsidi telur ayam hanya babitkan gred A, B dan C	https://www.malay.news/subsidi-telur-ayam-hanya-babitkan-gred-a-b-dan-c/	MALAY NEWS
3-Feb	Hasil cukai baharu boleh tampung keperluan subsidi bersasar - Penganalisis	https://www.bharian.com.my/bisnes/lain-lain/2025/01/1355767/hasil-cukai-baharu-boleh-tampung-keperluan-subsidi-bersasar-penganalisis	BERITA HARIAN
3-Feb	Errant motorists need to be penalised, say consumers	https://www.thestar.com.my/news/nation/2025/01/31/errant-motorists-need-to-be-penalised-say-consumers	THE STAR
3-Feb	RM200 juta anjur Jualan Rahmah Madani di semua DUN - Armizan	https://www.suarakeadilan.my/post/rm200-juta-anjur-jualan-rahmah-madani-di-semua-dun-armizan	SUARA KEADILAN

3-Feb	Jualan Rahmah diteruskan dengan tambahan peruntukan RM200 juta - Armizan	https://www.sinarharian.com.my/article/710317/video/berita-semasa-video/jualan-rahmah-diteruskan-dengan-tambahan-peruntukan-rm200-juta---armizan	SINAR HARIAN
3-Feb	Caj berlebihan, KPDM Bintulu serbu premis perniagaan	https://utusanarawak.com.my/caj-berlebihan-kpdm-bintulu-serbu-premis-perniagaan/	UTUSAN SARAWAK
3-Feb	KPDM Terengganu perluas jualan rahmah di pasar awam	https://azli-adlan.blogspot.com/2025/02/kpdm-terengganu-perluas-	AZLI ADLAN
3-Feb	KPDM TUMPAS AKTIVITI PENYELEWENGAN LPG DI KULAI	https://penggerakdaily.com/jenayah/kpdm-tumpas-aktiviti-penyelewengan-lpg-di-kulai/	PENGGERAK DAILY
3-Feb	KPDM rampas 69,500 liter minyak diesel diragui	https://azli-adlan.blogspot.com/2025/02/kpdm-rampas-69500-liter-	AZLI ADLAN
3-Feb	Op Taring Bravo 1: Minyak bersubsidi bernilai hampir RM1 juta berjaya dirampas	https://www.buletintv3.my/nasional/op-taring-bravo-1-minyak-bersubsidi-bernilai-hampir-rm1-juta-berjaya-dirampas/	BULETIN TV3
3-Feb	Pantau peniaga jadikan gaji minimum alasan naik harga barang	https://www.utusan.com.my/nasional/2025/02/pantau-peniaga-jadikan-gaji-minimum-alasan-naik-harga	UTUSAN MALAYSIA
3-Feb	KPDM Sabah seru pengguna guna saluran rasmi buat aduan	https://sabahmedia.com/2025/02/01/kpdm-sabah-seru-pengguna-guna	SABAH MEDIA
3-Feb	Hanya 10 peratus PKS tempatan daftar jenama, logo	https://www.utusan.com.my/terkini/2025/02/hanya-10-peratus-pks-tempatan-	UTUSAN MALAYSIA
3-Feb	KPDM Sabah seru pengguna guna saluran rasmi buat aduan	https://sabahmedia.com/2025/02/01/kpdm-sabah-seru-pengguna-guna	SABAH MEDIA